

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN  
TARIKH: 11 JUN 2015 (KHAMIS)**

| <b>Bil</b> | <b>Tajuk</b>                                                                   | <b>Akhbar</b>     |
|------------|--------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
| 1.         | MOSTI nafi Pahang bakal dilanda gempa bumi                                     | KOSMO             |
| 2.         | Jabatan Meteorologi nafi akan berlaku gempa bumi di KL, Bukit Tinggi di Pahang | BERNAMA           |
| 3.         | MetMalaysia nafi khabar angin                                                  | Harian Metro      |
| 4.         | Nafi Pahang akan dilanda gempa, tsunami                                        | Berita Harian     |
| 5.         | Nafi Pahang gempa bumi, tsunami                                                | Utusan Malaysia   |
| 6.         | MetMalaysia nafi gempa bumi, tsunami akan landa Pahang                         | Berita Harian     |
| 7.         | Dakwaan Pahang akan dilanda gempa, tsunami tidak benar – MetMalaysia           | BERNAMA           |
| 8.         | Nafi Pahang gempa bumi, tsunami                                                | Utusan Malaysia   |
| 9.         | MOSTI: No quake, tsunami set to hit Pahang                                     | The Star          |
| 10.        | Earthquake, tsunami to strike Pahang mere rumour: Met Dept                     | New Straits Times |
| 11.        | 'No truth to tsunami warning'                                                  | New Straits Times |
| 12.        | Pusat bencana alam wajar ditubuh                                               | Sinar Harian      |
| 13.        | Malaysia perlu pertimbang wujud Pusat Bencana Alam – Penyelidik                | BERNAMA           |
| 14.        | Quake-resistant buildings for Sabah                                            | The Star          |
| 15.        | Falling boulders, foaming rivers panic villagers                               | The Star          |
| 16.        | Police end SAR operations                                                      | New Straits Times |
| 17.        | Dua mangsa gempa warga Singapura ditemui                                       | Sinar Harian      |
| 18.        | Dua mangsa gempa bumi warga Singapura ditemui – Jalaluddin                     | BERNAMA           |

|     |                                                               |              |
|-----|---------------------------------------------------------------|--------------|
| 19. | BiotechCorp tingkat strategi perkukuh syarikat BioNexus       | BERNAMA      |
| 20. | BiotechCorp revs up strategy to strengthen BioNexus companies | BERNAMA      |
| 22. | Cuaca panas Ramadan ini                                       | Sianr Harian |
| 23. | Umat Islam Malaysia diramal berpuasa dalam musim panas        | KOSMO        |
| 24. | Ramadan di Malaysia tahun ini dijangka panas                  | BERNAMA      |
| 25. | UTP shines at ITEX2015                                        | The Star     |

**KERATAN AKHBAR**  
**KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 2**  
**TARIKH: 11 JUN 2015 (KHAMIS)**

## Mosti nafi Pahang bakal dilanda gempa bumi

**KUALA LUMPUR** - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) menafikan khabar angin mengenai Pahang bakal dilanda gempa bumi dan tsunami dalam tempoh masa 36 jam.

Kenyataan itu telah dikeluarkan oleh pihak Mosti selepas berita palsu tersebut mula tersebar di laman sosial dan menjadi viral sejak dua hari lalu.

Susulan daripada berita palsu ber-

kenaan, Mosti menasihati orang ramai supaya tidak mudah mempercayai sebarang nasihat atau amaran yang disebarikan melalui media sosial yang sumbernya bukan daripada Jabatan Meteorologi Malaysia.

Khabar angin Pahang bakal ditimpa bencana itu mula tersebar selepas beberapa daerah di Sabah dilanda gempa bumi.

Menerusi sebaran palsu itu, pihak yang tidak bertanggungjawab mengandaikan kawasan di Jerantut, Janda Baik dan Bukit Tinggi bakal berdepan dengan gegaran.

Orang ramai yang ingin mendapatkan pengesahan lebih lanjut, sila rujuk laman sesawang Jabatan Meteorologi Malaysia di [www.met.gov.my](http://www.met.gov.my) atau menghubungi talian hotline **1-300-22-1638**.



## **Jabatan Meteorologi Nafi Akan Berlaku Gempa Bumi Di KL, Bukit Tinggi Di Pahang**

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) hari ini menafikan khabar angin bahawa Kuala Lumpur dan Bukit Tinggi, Pahang akan dilanda gempa bumi susulan kejadian gempa bumi di Sabah pada Jumaat lepas.

Jabatan itu dalam satu kenyataan di sini berkata pihaknya tidak menjangkakan sebarang gempa di kedua-dua kawasan itu dalam tempoh terdekat, kecuali berlaku gempa bermagnitud kuat di Sumatera, Indonesia.

Menurutnya susulan gempa bumi kuat berukuran 9.2 skala Richter di Sumatera Utara pada 26 Dis 2004 dan di Pulau Nias, Sumatera Barat bermagnitud 8.7 pada 28 Mac 2005, telah menyebabkan garis sesar di Bukit Tinggi menjadi aktif semula dan mengakibatkan beberapa siri gempa yang lemah dengan kekuatan antara 1.7 hingga 4.2 skala Richter dalam tempoh 2007 hingga 2009.

Untuk pengesahan maklumat, orang ramai boleh merujuk laman web Jabatan Meteorologi Malaysia <http://met.gov.my>, mobile web rasmi [m.met.gov.my](http://m.met.gov.my) atau melalui laman Facebook dan Twitter.

Selain itu, boleh juga hubungi MetMalaysia hotline di talian 1300 22 1MET (1638).

-- BERNAMA

# MetMalaysia nafi khabar angin

■ Nasihat orang ramai tidak percaya berita mengenai bencana alam bakal landa Pahang

Kuala Lumpur

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) menafikan khabar angin mengenai mesej kejadian gempa bumi dan tsunami yang bakal melanda Pahang

seperti yang tersebar di laman media sosial.

Menurut kenyataan dikeluarkan MetMalaysia semalam, khabar angin kejadian bencana alam berkenaan akan melanda negeri pantai timur itu dalam tempoh 36

“Orang ramai dinasihat usah percaya amaran tidak sah”

MetMalaysia

jam adalah tidak benar sama sekali.

“Orang ramai dinasihatkan supaya tidak mudah mempercayai sebarang nasihat mahupun amaran yang disebarkan daripada sumber tidak sah seperti

media sosial.

“Orang ramai yang mahukan sebarang pengesahan maklumat, sila rujuk laman sesawang MetMalaysia di alamat <http://www.met.gov.my> atau mobile web rasmi [m.met.gov.my](http://m.met.gov.my) atau Facebook

<https://www.facebook.com/malaysiamet>.

“Orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat terkini di <https://twitter.com/malaysiamet> atau talian 1 300 22 IMET (1638),” katanya.

**KERATAN AKHBAR**  
**BERITA HARIAN (NASIONAL): MUKA SURAT 16**  
**TARIKH: 11 JUN 2015 (KHAMIS)**

## **Nafi Pahang akan dilanda gempa, tsunami**

**Kuala Lumpur:** Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) semalam menafikan khabar angin Pahang akan dilanda gempa bumi dan tsunami dalam tempoh 36 jam.

Jabatan itu dalam satu kenyataan di sini berkata, khabar angin mengenai kejadian itu seperti yang tersebar di media sosial adalah tidak benar sama sekali.

### **Hanya khabar angin**

"Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan tidak mudah mempercayai nasihat atau amaran yang disebarkan melalui media sosial yang sumbernya bukan daripada MetMalaysia," kata kenyataan itu.

Untuk pengesahan maklumat, orang ramai boleh merujuk laman web Jabatan Meteorologi Malaysia <http://met.gov.my>, mobile web rasmi [m.met.gov.my](http://m.met.gov.my) atau melalui laman Facebook dan Twitter.

Selain itu, mereka boleh menghubungi MetMalaysia di talian 1300 22 1638.

**BERNAMA**

**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 7**  
**TARIKH : 11 JUN 2015 (KHAMIS)**

## Nafi Pahang gempa bumi, tsunami

**KUALA LUMPUR 10 Jun** - Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) hari ini menafikan khabar angin bahawa negeri Pahang akan dilanda gempa bumi dan tsunami dalam tempoh 36 jam.

Jabatan itu dalam satu kenyataan di sini berkata, khabar angin mengenai kejadian itu seperti yang tersebar di media sosial adalah tidak benar sama sekali.

"Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan supaya tidak mudah mem-

percayai sebarang nasihat atau amaran yang disebarkan melalui media sosial yang sumbernya bukan daripada MetMalaysia," kata kenyataan itu.

Untuk pengesahan maklumat, orang ramai boleh merujuk laman web Jabatan Meteorologi Malaysia <http://met.gov.my>, mobile web rasmi [m.met.gov.my](http://m.met.gov.my) atau melalui laman Facebook dan Twitter.

Selain itu, boleh juga hubungi MetMalaysia hotline di talian 1300 22 1MET (1638). - BERNAMA



## **MetMalaysia nafi gempa bumi, tsunami akan landa Pahang**

**KUALA LUMPUR:** Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) menafikan dakwaan gempa bumi dan tsunami akan melanda Pahang dalam tempoh 36 jam. Dalam satu kenyataan hari ini, agensi itu turut menasihatkan orang ramai supaya tidak mudah mempercayai sebarang nasihat atau amaran yang tersebar menerusi media sosial yang sumbernya bukan daripada MetMalaysia.

"Khabar angin mengenai kejadian gempa bumi dan tsunami yang akan melanda Pahang dalam tempoh 36 jam seperti tersebar di media sosial adalah tidak benar sama sekali," menurut kenyataan itu. Hari ini, tersebar satu kenyataan menerusi Facebook yang turut dikongsi dan disebar luas menggunakan aplikasi WhatsApp kononnya akan berlaku tsunami dan gempa bumi di Pahang dalam tempoh 36 jam.



## Dakwaan Pahang Akan Dilanda Gempa, Tsunami Tidak Benar - MetMalaysia

KUALA LUMPUR, 10 Jun (Bernama) -- [Jabatan Meteorologi Malaysia \(MetMalaysia\)](#) hari ini menafikan khabar angin bahawa negeri Pahang akan dilanda gempa bumi dan tsunami dalam tempoh 36 jam.

Jabatan itu dalam satu kenyataan di sini berkata khabar angin mengenai kejadian itu seperti yang tersebar di media sosial adalah tidak benar sama sekali.

"Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan supaya tidak mudah mempercayai sebarang nasihat atau amaran yang disebarikan melalui media sosial yang sumbernya bukan daripada MetMalaysia," kata kenyataan itu.

Untuk pengesahan maklumat, orang ramai boleh merujuk laman web Jabatan Meteorologi Malaysia <http://met.gov.my>, mobile web rasmi [m.met.gov.my](http://m.met.gov.my) atau melalui laman Facebook dan Twitter.

Selain itu, boleh juga hubungi MetMalaysia hotline di talian 1300 22 1MET (1638).

-- BERNAMA



## Nafi Pahang gempa bumi, tsunami

11 Jun 2015 1:59 AM

**KUALA LUMPUR 10 Jun – Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)** hari ini menafikan khabar angin bahawa negeri Pahang akan dilanda gempa bumi dan tsunami dalam tempoh 36 jam.

Jabatan itu dalam satu kenyataan di sini berkata, khabar angin mengenai kejadian itu seperti yang tersebar di media sosial adalah tidak benar sama sekali.

“Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan supaya tidak mudah mempercayai sebarang nasihat atau amaran yang disebarikan melalui media sosial yang sumbernya bukan daripada MetMalaysia,” kata kenyataan itu.

Untuk pengesahan maklumat, orang ramai boleh merujuk laman web Jabatan Meteorologi Malaysia <http://met.gov.my>, mobile web rasmi [m.met.gov.my](http://m.met.gov.my) atau melalui laman Facebook dan Twitter.

Selain itu, boleh juga hubungi MetMalaysia hotline di talian 1300 22 1MET (1638). – BERNAMA



## ***Mosti: No quake, tsunami set to hit Pahang***

PETALING JAYA: No earthquake is set to hit Pahang within the next 36 hours, said the **Science and Technology Ministry**.

"The rumours being spread on social media that an earthquake and tsunami are set to hit Pahang within the next 36 hours are wholly untrue. The public should not be easily taken in by rumours spread on social media that do not originate from the Malaysian Meteorological Department," said the Ministry in a statement on Wednesday.

It added that if anyone wished to check the truth of any rumours, they could consult the Meteorological Department website at [www.met.gov.my](http://www.met.gov.my) or [m.met.gov.my](http://m.met.gov.my), or they could check the Meteorological Department's official Facebook page, its Twitter or call the Department's hotline at 1800-221-1638.

BERITA ONLINE  
NST.COM  
TARIKH: 11 JUN 2015 (KHAMIS)

## NEW STRAITS TIMES ONLINE

### Earthquake, tsunami to strike Pahang mere rumour: Met Dept

**KUALA LUMPUR:** The Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) today dismissed as nothing more than a rumour that an earthquake and a tsunami will strike Pahang in the next 36 hours. It said in a statement that the news circulating on the social media had no truth to it. "As such, the people are advised not to easily believe any advice or warning circulated on the social media that does not come from MetMalaysia," it added.

The people can verify any information with the department at <http://met.gov.my>; official mobile web [m.met.gov.my](http://m.met.gov.my) or via the Facebook and Twitter pages, the department said. They could also contact the MetMalaysia hotline at 1300 22 1MET (1638), it added. --  
Bernama

**KERATAN AKHBAR**  
**NEW STRAITS TIMES (PRIME NEWS) : MUKA SURAT 9**  
**TARIKH : 11 JUN 2015 (KHAMIS)**

## **'No truth to tsunami warning'**

**KUALA LUMPUR:** The Malaysian Meteorological Department (Met-Malaysia) yesterday dismissed as nothing more than a rumour that an earthquake and a tsunami might strike Pahang in the next 36 hours.

"The public are advised not to easily believe any warning circulated on social media that does not come from MetMalaysia," they said in a statement.

The public could verify any information with the department at its official website [met.gov.my](http://met.gov.my); its mobile website [m.met.gov.my](http://m.met.gov.my); or via the official Facebook and Twitter pages, the department said.

They could also contact the Met-Malaysia hotline at 1300-22-1MET (1638), it added. **Bernama**

**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN (DARI JOHOR) : MUKA SURAT 48**  
**TARIKH: 11 JUN 2015 (KHAMIS)**

## Pusat Bencana Alam wajar ditubuh

**SKUDAI** – Kerajaan disaran menubuhkan pusat bencana alam bagi membolehkan data bersepadu dikumpulkan untuk menghadapi kemungkinan berlaku kejadian gempa bumi pada masa akan datang.

Ketua Kumpulan Penyelidik Geokejuruteraan dan Geobencana Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Profesor Madya Dr Edy Tonnizam Mohammad berkata, ini berikutan beberapa kawasan di pantai timur Sabah didapati mempunyai risiko tinggi berlaku kejadian gempa bumi lagi selain kawasan utara Sarawak dan tengah Semenanjung Malaysia.

Menurutnya, pusat berkenaan berfungsi untuk mencerap dan menganalisa petanda awal bencana itu pada masa depan sekaligus memberi amaran awal untuk siap siaga masyarakat bagi menyelamatkan nyawa masing-masing.

"Kita tidak kekurangan pakar. Mereka kini

dalam bidang masing-masing iaitu di Jabatan Meteorologi, Jabatan Pengairan dan Saliran serta Jabatan Mineral Geosains. Cuma ia tidak disepadukan.

"Bila ia disepadukan menerusi pusat ini, saya percaya, mereka boleh duduk bersama mengkaji bentuk-bentuk bencana alam," katanya.

Beliau berkata, penubuhan pusat ini telah pun dilakukan negara luar seperti Amerika Syarikat dan Jepun.

"Ini sebab kita kluatir kawasan lain di pantai Timur Sabah turut berisiko berlaku kejadian gempa bumi selain utara Sarawak dan tengah Semenanjung Malaysia.

"Ini adalah berdasarkan kajian dan data yang diperolehi daripada penyelidikan yang dijalankan pihak kami sebelum ini.

"Bagaimanapun, gegaran yang dihasilkan bersifat sederhana dan tidak mendatangkan kebimbangan melampau," katanya pada sidang media, di sini, semalam.



## Malaysia Perlu Pertimbang Wujud Pusat Bencana Alam - Penyelidik

JOHOR BAHRU, 10 Jun (Bernama) -- Malaysia perlu mempertimbang untuk mewujudkan sebuah pusat bencana alam, yang berfungsi untuk mencerap dan menganalisa petanda awal bencana itu pada masa hadapan, kata seorang penyelidik hari ini.

Ketua Kumpulan Penyelidik Geokejuruteraan dan Geobencana Fakulti Kejuruteraan Awam Universiti Teknologi Malaysia, Prof Madya Dr Edy Tonnizam Mohamad berkata ketiadaan sebuah pusat yang mengkhusus kepada perkara itu secara bersepadu ketika ini, menyukarkan Malaysia untuk mempersiapkan negara dan rakyat bagi menghadapi bencana itu.

"Dalam peristiwa bencana gempa bumi di Ranau baru-baru ini, kami dapati mereka yang terkorban adalah pendaki Gunung Kinabalu.

"Kalaupun bahasa alam (petanda awal) ini dapat kita pelajari dan bangunkan, sudah tentu ia dapat membantu kita menghadapinya pada masa hadapan," kata beliau dalam sidang media di Universiti Teknologi Malaysia, di sini hari ini.

Edy berkata negara tidak mengalami masalah untuk menubuhkan pusat itu kerana telah mempunyai sejumlah kepakaran dalam pelbagai bidang untuk ditempatkan di pusat berkenaan.

"Kita tidak kekurangan pakar. Mereka kini dalam bidang masing-masing iaitu di [Jabatan Meteorologi](#), Jabatan Pengairan dan Saliran serta Jabatan Mineral Geosains.

"Cuma ia tidak disepadukan. Bila ia disepadukan menerusi pusat ini, saya percaya, mereka boleh duduk bersama mengkaji bentuk-bentuk bencana alam," kata beliau.

Edy berkata penubuhan pusat seumpama itu telah dilakukan oleh negara luar seperti Amerika Syarikat (Amerika) dan Jepun.

Namun, dalam konteks ini, Malaysia tidak perlulah mengikut secara total modul dan sistem yang digunakan itu kerana risiko gempa bumi di Jepun dan Amerika adalah jauh lebih tinggi berbanding di sini.

Model penubuhan pusat itu perlu disesuaikan dengan keadaan negara kita, katanya.

Mengulas tentang potensi gempa bumi di Malaysia, Edy berkata kawasan di pantai timur Sabah adalah antara yang paling berisiko tinggi selain Sarawak, utara dan tengah Semenanjung Malaysia.

Ini adalah berdasarkan kajian dan data yang diperoleh daripada penyelidikan yang dijalankan pihaknya sebelum ini.

"Bagaimanapun, gegaran yang dihasilkan bersifat sederhana dan tidak mendatangkan kebimbangan melampau kepada penduduk setempat," kata Edy.

-- BERNAMA

## Quake-resistant buildings for Sabah

**PETALING JAYA:** The Institute of Engineers, Malaysia (IEM) is working with **Sirim** to develop a standard for earthquake resistant buildings in Sabah.

All building designs will then have to meet the requirements for seismic loading specified by the standard, IEM said in a press statement.

**Sirim** is the national organisation for standards and quality.

IEM's technical committee on

earthquake conducted an analysis immediately after the 5.9-magnitude earthquake in Sabah on June 5.

It examined the level of ground shaking, which is measured in Peak Ground Acceleration (PGA).

A PGA of 0.05g was calculated for Kota Kinabalu, which was 50-60km away from the epicentre of the quake.

That level of ground shaking was said to be consistent with the degree of damage to the buildings there.

## Falling boulders, foaming rivers panic villagers



**Restless:** Kampung Kiau residents looking at Mount Kinabalu. Panic gripped the villagers living around the foothills of the mountain when boulders and rocks began rolling down close to their homes. — Bernama

**KOTA KINABALU:** Panic gripped villagers living around the foothills of Mount Kinabalu when boulders and rocks began rolling down close to their homes.

Some said they were preparing to evacuate as rivers flowing from the mountain began to foam up.

Some reported seeing hundreds of dead fish floating.

Landslides have also been occurring over the past 24 hours at Kampung Kiau.

The Meteorological Department recorded a 3.2-magnitude earthquake near Ranau at 6.05pm.

Universiti Malaysia Sabah (UMS) geologist Dr Felix Tongkul said the landslides and foam on rivers were the after effects of Friday's earthquake.

He said a heavy downpour dislodged boulders, rock and soil that were earlier loosened by the earthquake.

He said landslides could "dam up" rivers flowing down from

**Those living downstream of these rivers should take extra precautions as flash floods could occur.**

Dr Felix Tongkul

Mount Kinabalu and that this could lead to a disastrous situation.

"Those living downstream of these rivers should take extra precautions as flash floods could occur," Dr Felix added.

On the foams, Dr Felix said this could be an indication of a high concentration of minerals from the mountain leaching into the rivers.

He said a team of chemists from the university would head to Kaung and nearby villages to collect water samples and study them.

# Police end SAR operations

## CONCLUDED:

Final remains  
are those of  
Singaporean  
student, teacher

KOTA KINABALU

**P**OLICE yesterday declared the end of search-and-rescue (SAR) operations following the earthquake in Sabah on Friday, with the final death toll of 18.

Sabah police commissioner Datuk Jalaluddin Abdul Rahman declared the end of Op Gempa and said the final two remains were those of Singaporeans Navdeep Singh Jayral, 13, and his teacher at Tanjung Katong Primary School, 35-year old Mohammed Ghazi Mohamed.

"From tagged body parts, we collaborated with the Singapore police in a disaster verification and identification process and our Singaporean counterparts confirmed



from fingerprints and footprints the identities to be that of Navdeep and Ghazi," he said.

He added that of the remains retrieved from the shattered summit of Mount Kinabalu, which suffered the brunt of the 5.9 magnitude earthquake, 16 bodies were intact, 14 of which had been earlier claimed by families, while Navdeep and Mohammed Ghazi were initially classified as missing.

Of the dead, 10 were from Singapore, one from Japan, one from China and six Malaysians, four of whom were local mountain guides, a 22-year old from Malacca and a 45-year old from Penang.

Yesterday, Queen Elizabeth Hospital director Heric Corray said the remains of Chinese national Lu Qi, had been positively identified by his family and released to them after post-mortem.

He added that the remains of a 35-year old Japanese national, said to be Masahiro Ozaki, was awaiting the arrival of his family today, before the procedures towards release could be completed.

"However, the last two body parts (that of Navdeep and Mohammed Ghazi) can only be expected to be released after DNA test results confirming their identities. This would take two weeks."

He said although there was a separate confirmation from police on their identities, the procedures carried out once the DNA tests are being conducted would have to be completed.

Meanwhile, aid and relief continued to pour in as Malaysians rushed to assist victims affected by the earthquake.

Those in the sprawling villages on the foothills of Mount Kinabalu were given reminders not to let



**Family members of quake victim Lu Qi** waiting at Queen Elizabeth Hospital in Kota Kinabalu yesterday. The Chinese national was among those killed by an earthquake, which struck Mount Kinabalu last week. Pic by Izhari Ariffin

their guard down, with tremors fortified by heavy rainfall posing further threats via landslides, as warned by Universiti Malaysia Sabah geological expert Professor Felix Tongkul, yesterday.

"Landslides can plug the flow of rivers in surrounding areas to form dams, which can be broken by strong currents when they are overflowing with water, bringing the

threat of mud floods.

"Thus, villagers in the area need to remain cautious of the weather and conditions around them."

Meanwhile, a 3.2 magnitude earthquake was recorded at 6.05pm yesterday, 25km northwest of Ranau.

Tremors were felt in Ranau, according to the Malaysia Meteorological Department.

## **GEMPA BUMI LANDA SABAH**

# **Dua mangsa gempa warga Singapura ditemui**

**KOTA KINABALU** - Polis Sabah mengesahkan dua mangsa warga Singapura yang dilaporkan hilang dalam gempa bumi di Ranau pada Jumaat lalu, telah ditemui berdasarkan pengecaman cebisan mayat yang dilakukan pasukan Pengecaman Mangsa Bencana (DVI).

Pesuruhjaya Polis Sabah Datuk Jalaluddin Abdul Rahman berkata, daripada cebisan yang ditemui di Gunung Kinabalu itu, ia ditandakan satu persatu dengan kerjasama daripada DVI Malaysia dan Singapura.

Beliau memberitahu, daripada DVI tersebut polis mengesahkan ia adalah milik kepada mangsa yang hilang iaitu Navdeep Singh Jayrol s/o Raj Kumar, 13, dan Mohamad Ghazi Mohammed, 35.

"Cuma cebisan mayat itu tidak boleh diserahkan lagi sehingga kami buat DNA. Keluarga mangsa telah pun menghantar sample darah, lemak daripada kakak, adik ke Hospital Queen. Kami telah menghantar kepada Jabatan Kimia untuk mendapat pengecaman sepenuhnya," katanya pada sidang

media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah, semalam.

Oleh itu, katanya operasi mencari dan menyelamatkan dalam Op Gempa yang bermula 5 Jun lalu, ditamatkan berikutan penemuan mayat tersebut, namun pusat operasi akan dibuka semula sekiranya berlaku gegaran.

Jalaluddin berkata, jumlah mangsa gempa bumi sehingga hari ini adalah 18 orang dan daripada jumlah itu, Singapura (10 orang), Malaysia (enam orang), Jepun dan China masing-masing seorang.

Beliau berkata, 14 daripada mayat itu sudah dikenalpasti dan diserahkan kepada anggota keluarga masing-masing, manakala dua mayat warga Jepun dan China belum dibedah siasat.

"Kedua-dua mayat itu akan dibedah siasat apabila keluarga mangsa sampai, yang dijangka tiba hari ini (semalam)," katanya.

Dalam kejadian pada 7.15 pagi itu, gempa bumi berukuran 5.9 pada skala Richter merupakan gempa terkuat pernah dialami Malaysia setakat ini. - Bernama



## Dua Mangsa Gempa Bumi Warga Singapura Ditemui - Jalaluddin

KOTA KINABALU, 10 Jun (Bernama) -- Polis Sabah mengesahkan dua mangsa warga Singapura yang dilaporkan hilang dalam gempa bumi di Ranau pada Jumaat lalu telah ditemui berdasarkan pengecaman cebisan mayat yang dilakukan oleh pasukan Pengecaman Mangsa Bencana (DVI).

Pesuruhjaya Polis Sabah Datuk Jalaluddin Abdul Rahman berkata daripada cebisan yang ditemui di Gunung Kinabalu itu, ia ditandakan satu persatu dengan kerjasama daripada DVI Malaysia dan Singapura.

Beliau berkata daripada DVI itu polis mengesahkan ia adalah milik kepada mangsa yang hilang iaitu Navdeep Singh Jayrol s/o Raj Kumar, 13, dan Mohamad Ghazi Mohammed, 35.

"Cuma cebisan mayat itu tidak boleh diserahkan lagi sehingga kami buat DNA. Keluarga mangsa telah pun menghantar sample darah emak, kakak dan adik ke Hospital Queen. Kami telah menghantar ke [Jabatan Kimia](#) untuk mendapat pengesahan sepenuhnya," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sabah, di sini Rabu.

Oleh itu, katanya operasi mencari dan menyelamatkan dalam Op Gempa yang bermula pada 5 Jun lalu ditamatkan hari ini berikutan penemuan itu namun pusat operasi akan dibuka semula sekiranya berlaku gegaran.

Jalaluddin berkata jumlah mangsa gempa bumi sehingga hari ini adalah 18 orang dan daripada jumlah itu - Singapura (10), Malaysia (enam), Jepun (satu) dan China (satu).

Beliau berkata, 14 daripada mayat itu sudah dikenal pasti dan diserahkan kepada anggota keluarga masing-masing manakala dua mayat warga Jepun dan China belum dibedah siasat.

"Kedua-dua mayat itu akan dibedah siasat apabila keluarga mangsa sampai, yang dijangka tiba hari ini," katanya.

Dalam kejadian pada 7.15 pagi Jumaat lepas, gempa bumi berukuran 5.9 pada skala Richter itu merupakan gempa terkuat yang pernah dialami Malaysia setakat ini.

Di SINGAPURA, Kementerian Pendidikan (MOE) republik itu mengumumkan kerajaan Malaysia telah mengesahkan dua warganya yang hilang, Navdeep Singh Jaryal dan Mohammad Ghazi antara mangsa yang terkorban di Gunung Kinabalu dalam gempa bumi yang menggempakan Sabah Jumaat lepas.

MOE dalam kenyataan berkata waris kedua-dua mangsa telah dimaklumkan.

Mayat mangsa akan dihantar ke Singapura sebaik ujian lanjut forensik dijalankan. Ia dijangka mengambil sedikit masa.

"Kami akan terus memberi sokongan kepada keluarga mangsa dalam masa yang sukar ini," kata MOE.

MOE juga merakamkan penghargaan yang mendalam kepada Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera dan pihak berkuasa lain yang menghulurkan sokongan dan bantuan serta individu yang turut tampil menyertai usaha mencari, menyelamatkan dan pemulihan pelajar dan guru warga Singapura.

-- BERNAMA



## BiotechCorp Tingkat Strategi Perkukuh Syarikat BioNexus

Daripada Siti Radziah Hamzah

MILAN, 10 Jun (Bernama) -- Malaysian Biotechnology Corp (BiotechCorp) kini meningkatkan strategi bagi mengukuhkan syarikat BioNexus dengan mempamerkan produk baharu di BioShoppe Ekspo Milan 2015 di sini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal berkata inisiatif itu merupakan sebahagian daripada strategi BiotechCorp untuk meningkatkan eksport syarikat BioNexus, terutama untuk pasaran Eropah.

"Kami berharap dapat memuktamadkan perjanjian bernilai hampir RM1 bilion daripada pelabur Eropah tahun ini. Kami sudah agak lama memikat mereka.

"Malah, sebuah syarikat dari Perancis sudah pun melancarkan kilangnya di Kerteh, Terengganu baru-baru ini.

"Kami berharap menarik beberapa lagi syarikat dari Eropah untuk datang melabur dan meraih manfaat daripada perniagaan kesihatan dan kosmetik," katanya.

Mohd Nazlee berkata demikian kepada pemberita selepas pelancaran 16 produk baharu berasaskan herba di bawah BioShoppe oleh sembilan syarikat BioNexus di Pavilion Malaysia di Ekspo Milano 2015.

Ia dirasmikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) Datuk Dr Ewon Ebin pada Selasa.

"Saya mempunyai keyakinan penuh terhadap BiotechCorp untuk memimpin syarikat BioNexus di Malaysia ke arah pembuatan produk seperti ini," kata Ewon.

BiotechCorp, agensi di bawah bidang kuasa MOSTI, ialah peneraju pembangunan agensi dan penggerak utama industri berasaskan bio di Malaysia.

Produk BioShoppe memasuki pasaran Eropah selepas diketengahkan pada pameran antarabangsa di Amerika Syarikat dan Abu Dhabi (Emiriah Arab Bersatu).

Mohd Nazlee berkata syarikat berstatus BioNexus menjana perolehan sebanyak RM1.29 bilion pada 2014, dengan kira-kira separuh daripada nilai itu disumbangkan menerusi eksport.

"Jika kita boleh meningkatkan pendapatan tahun lepas sebanyak 20 peratus pada 2015, ia suatu yang hebat," katanya.

Beliau berkata sebarang peningkatan tahun ini akan dipacu oleh produk baharu dalam perancangan serta pembukaan 10 kedai BioShoppe baharu di Malaysia dan sebuah di Dubai.

"Menerusi 16 produk yang dilancarkan di Milan, saya rasa kita sudah mencatat kejayaan penting hari ini.

Harapan kami, dan MOSTI, adalah untuk melancarkan beberapa produk sebelum akhir tahun," kata Mohd Nazlee.

Sejak 2005, BiotechCorp memudahkan pembangunan 225 syarikat berstatus BioNexus di Malaysia dengan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM3.2 bilion.

Pada 2014 sahaja, 105 paten telah didaftarkan dan BioShoppe mempunyai lebih daripada 200 unit dalam simpanan daripada 35 syarikat BioNexus.

Ekspo Milano 2015 merupakan pameran sejagat yang dihoskan oleh Milan dari 1 Mei hingga 31 Okt.

Dalam tempoh enam bulan, bandar Itali akan mempamerkan teknologi yang terbaik dari 140 negara yang mengambil bahagian, selain menggalakkan pertukaran idea dan penyelesaian bertemakan makanan.

Pameran itu dijangka dikunjungi lebih 20 juta pelawat ke tapak ekspo seluas 10.76 juta kaki persegi itu.

-- BERNAMA



## BiotechCorp Revs Up Strategy To Strengthen BioNexus Companies

From Siti Radziah Hamzah

MILAN, June 10 (Bernama) -- Malaysian Biotechnology Corp (BiotechCorp) is revving up its strategy to strengthen BioNexus companies by showcasing new products at the BioShoppe of the Expo Milan 2015 here.

Chief Executive Officer Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal said the initiative was part of BiotechCorp's strategies to enhance the export of BioNexus companies, especially to the European market.

"We hope we can close deals of close to RM1 billion from European investors this year. We have been courting them for quite some time.

"In fact, one company from France just launched its factory in Kerteh, Terengganu.

"We hope to have a few more companies from Europe coming to invest and try to benefit from the wellness and cosmetics business," he added.

Mohd Nazlee was speaking to reporters after the launch of new 16 herbal based-products under BioShoppe by nine BioNexus companies at the Malaysian Pavilion of the Expo Milano 2015.

It was officiated by the **Science, Technology and Innovation (MOSTI) Minister, Datuk Dr Ewon Ebin** on Tuesday.

"I have full confidence in BioTechCorp to nurture the BioNexus companies in Malaysia towards manufacturing products such as these," said Ewon.

BiotechCorp, an agency under the purview of MOSTI, is the lead development agency and prime mover of the bio-based industry in Malaysia.

The BioShoppe products debuted the European market, after being showcased at international exhibitions in the United States and Abu Dhabi (United Arab Emirates).

Mohd Nazlee said BioNexus-status companies generated revenue of RM1.29 billion in

2014, and about half this value, came from exports.

"If we can increase revenue from last year by 20 per cent in 2015, It would be great," he added.

He said any increase this year would be driven by new products in the pipeline as well as the opening of 10 new BioShoppe shops in Malaysia and one in Dubai.

"With the 16 products launched in Milan, I think we reached a historical milestone today. Our hope, and that of MOSTI, is to launch a few products before year-end," Mohd Nazlee said.

Since 2005, BiotechCorp has facilitated the development of 225 BioNexus-status companies in Malaysia with total approved investments of RM3.2 billion.

In 2014 alone, 105 patents were registered and BioShoppe has more than 200 storekeeping units from 35 BioNexus companies.

The Expo Milano 2015 is an universal exhibition hosted by Milan from May 1- Oct 31.

Over the six months period, the Italian city will exhibit the best of technology from 140 participating countries and promote the exchange of ideas and shared solutions on the theme of food.

The exhibition is expected to welcome over 20 million visitors to its 10.76 million sq ft exhibition area.

-- BERNAMA

## Cuaca panas Ramadan ini

**PUTRAJAYA** - Malaysia diramal mengalami keadaan cuaca panas dengan taburan hujan yang sedikit sepanjang Ramadan tahun ini.

Timbalan Ketua Pengarah Strategik dan Teknikal Jabatan Meteorologi Malaysia, Dr Mohd Rosaidi Che Abas berkata, suhu pada Ramadan yang bermula pertengahan Jun diramalkan sekitar 33 hingga 35 darjah Celsius di samping keadaan hujan yang kurang daripada biasa.

"Suhu biasa di Malaysia adalah sekitar 30, 31, 32 darjah Celsius tapi untuk puasa ini kita ramalkan agak panas sedikit mungkin sampai 35 darjah Celsius," katanya.

Beliau berkata, ini disebabkan negara telah memasuki musim monsun barat daya yang secara relatifnya menyebabkan jumlah hujan diterima berkurangan.

Menurutnya, keadaan cuaca panas itu dijangka berterusan sehingga September.

"Keadaan suhu mungkin berbeza mengikut tempat, contohnya kawasan di sebelah utara seperti Perlis dijangka lebih panas dengan penambahan suhu sehingga satu atau dua darjah Celsius," katanya.

Tarikh melihat anak bulan Ramadan bagi menentukan permulaan puasa umat Islam seluruh Malaysia ialah 16 Jun ini.



Negara dijangka alami cuaca panas berikutan musim monsun barat daya.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Mohd Rosaidi berkata, berikutan negara kini berada dalam monsun barat daya, ia sekali gus akan mengurangkan ribut petir.

Mengulas perkongsian yang menjadi viral di laman sosial mengenai saranan agar orang ramai membasahkan pakaian ketika hujan untuk mengurangkan kecederaan serius jika dipanah petir; beliau berkata, ia adalah tidak benar.

"Air merupakan satu daripada pengalir elektrik, maka jika ada kilat pada waktu hujan dan baju pula dibasahkan (dengan air) maka kemungkinan untuk kilat menyambar

ada," katanya.

Menurutnya, tempat terbaik mengelak petir ketika di luar rumah adalah dengan berada di dalam kenderaan kerana tayar pada kenderaan merupakan penebat elektrik terbaik.

"Elakkan berada di luar rumah ketika ribut kuat berlaku, tetapi kalau kebetulan berada di luar segera berlindung di dalam bangunan kerana setiap bangunan ada penebat kilat.

"Paling penting jangan berada di kawasan lapang atau di bawah pokok kerana aliran caj akan ke tanah dan dibimbangi ke pokok sehingga mengancam nyawa," katanya. -Bernama

Suhu maksimum 35 darjah Celsius bermula pertengahan bulan ini

## Umat Islam Malaysia diramal berpuasa dalam musim panas

PUTRAJAYA - Malaysia diramal mengalami keadaan cuaca panas dengan taburan hujan yang sedikit sepanjang Ramadan tahun ini, demikian menurut ramalan Jabatan Meteorologi Malaysia.

Timbalan Ketua Pengarah Strategik dan Teknikal Jabatan Meteorologi Malaysia, Dr. Mohd. Rosaidi Che Abas berkata, suhu pada bulan Ramadan yang bermula pertengahan Jun diramalkan sekitar 33 hingga 35 darjah Celsius berikutan keadaan hujan yang kurang daripada biasa.

"Suhu biasa di Malaysia adalah sekitar



MOHD. ROSAIDI

30, 31, 32 darjah Celsius, tetapi untuk puasa ini kita ramalkan agak panas sedikit mungkin sampai 35 darjah Celsius," katanya di sini semalam.

Menurut Mohd. Rosaidi, keadaan itu disebabkan negara telah memasuki musim monsun barat daya yang secara relatifnya menyebabkan jumlah hujan diterima dan ribut petir berkurangan.

Katanya, keadaan cuaca panas itu dijangka berterusan sehingga September.

"Keadaan suhu mungkin berbeza mengikut tempat. Contohnya di kawasan utara

seperti Perlis dijangka lebih panas dengan penambahan suhu sehingga satu atau dua darjah Celsius," ujarnya.

Sementara itu, mengulas tentang perkongsian yang menjadi viral di laman sosial mengenai saranan agar orang ramai membasahkan pakaian ketika hujan untuk mengurangkan kecederaan serius jika dipanah petir, Mohd. Rosaidi berkata, cadangan tersebut adalah tidak benar.

"Tempat terbaik untuk mengelak disambar petir ketika di luar rumah adalah dengan berada di dalam kenderaan kerana tayar kenderaan merupakan penebat elektrik terbaik. - Bernama



## Ramadan Di Malaysia Tahun Ini Dijangka Panas

Oleh Salawaty Supardi

PUTRAJAYA, 10 Jun (Bernama) -- Malaysia diramal mengalami keadaan cuaca panas dengan taburan hujan yang sedikit sepanjang bulan Ramadan tahun ini, demikian menurut ramalan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#).

[Timbalan Ketua Pengarah Strategik dan Teknikal Jabatan Meteorologi Malaysia Dr Mohd Rosaidi Che Abas](#) berkata suhu pada bulan Ramadan yang bermula pertengahan Jun diramalkan sekitar 33 hingga 35 darjah celsius di samping keadaan hujan yang kurang daripada biasa.

"Suhu biasa di Malaysia adalah sekitar 30, 31, 32 darjah celsius tapi untuk puasa ini kita ramalkan agak panas sedikit mungkin sampai 35 darjah celsius," katanya kepada Bernama.

Beliau berkata ini disebabkan negara telah memasuki musim monsun barat daya yang secara relatifnya menyebabkan jumlah hujan diterima berkurangan.

Keadaan cuaca panas itu dijangka berterusan sehingga September, katanya.

Dr Mohd Rosaidi berkata keadaan suhu mungkin berbeza mengikut tempat, dengan memberi contoh kawasan di sebelah utara seperti Perlis dijangka lebih panas dengan penambahan suhu sehingga satu atau dua darjah celsius.

Tarikh melihat anak bulan Ramadan bagi menentukan permulaan puasa umat Islam seluruh Malaysia ialah Selasa 16 Jun ini bersamaan 29 Syaaban 1436 Hijrah.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Mohd Rosaidi berkata berikutan negara kini berada dalam monsun barat daya, ia sekali gus akan mengurangkan ribut petir.

Mengulas tentang perkongsian yang menjadi viral di laman sosial mengenai saranan agar orang ramai membasahkan pakaian ketika hujan untuk mengurangkan kecederaan serius jika dipanah petir, beliau berkata ia adalah tidak benar.

"Air merupakan satu daripada pengalir elektrik, maka jika ada kilat pada waktu hujan dan baju pula dibasahkan (dengan air) maka kemungkinan untuk kilat menyambar ada," katanya.

Katanya tempat terbaik untuk mengelak daripada disambar petir ketika di luar rumah adalah dengan berada di dalam kenderaan kerana tayar pada kenderaan merupakan penebat elektrik terbaik.

"Elakkan daripada berada di luar rumah ketika ribut kuat berlaku, tetapi kalau kebetulan berada di luar segera berlindung di dalam bangunan kerana setiap bangunan ada penebat kilat.

"Paling penting jangan berada di kawasan lapang atau di bawah pokok kerana aliran caj akan ke tanah dan dibimbangi ke pokok sehingga mengancam nyawa," katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR  
THE STAR (HIGHER EDUCATION) : MUKA SURAT 3  
TARIKH : 11 JUN 2015 (KHAMIS)

# UTP shines at ITEX2015

UNIVERSITI Teknologi PETRONAS (UTP) marked another international milestone when it bagged 70 awards – the highest number of awards – at the recently concluded International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX2015).

UTP bagged 18 gold, 30 silver and 17 bronze medals and five special awards. With these achievements, the university was awarded the event's top award – the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI) Patron Award.

The four special award recipients were Associate Prof Dr Ahmad Majdi Abd Rani, who won the Best Invention by International Federation of Inventors' Association for his Slip on Sprocket, Associate Prof Dr Fakhrudin Mohd Hashim, who won the Best Invention in Design by Japan Intellectual Property Association (JIPA) for his Supersonic Subsea Compact Wet-Gas Separator, Mohd Faizairi Mohd Nor, who won the Best Invention in Green Technology by JIPA for his R3PH-Rural Run River Pico Hydro, and Prof Dr Mohamed Ibrahim Abdul Mutalib, who won the Best Green Invention by MOSTI and Malaysian Invention and Design Society (MINDS) for his De-Acidification of Crude Oil Using HBIOL.

The fact that UTP products are relevant to society and industry are manifested by the special award recognitions from both local and international innovation agencies.

One product addresses the need of transportation for farmers during harvesting seasons and another addresses the need for electrification of rural areas not within the reach of grid electricity supply. The other two products address issues faced by the oil



UTP Research and Innovation deputy vice-chancellor Prof A Rashid Abd Aziz (second from right) receiving the Patron Award from Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin, witnessed by Deputy Education Minister P. Kamalanathan (right) and MINDS president and founder Prof Tan Sri Dr Augustine Ong.

and gas industry in separating petroleum products from unwanted constituents at the upstream and downstream processes.

In addition to the above, other products have also managed to capture the attention

of industries. The university's Research and Innovation Office will be following up on these leads and will be engaging them through its Advanced Technology and Innovation Centre.

All UTP products are vetted by the university's Innovation Committee and industry consultants. Only those that have passed the minimum threshold score are allowed to participate in ITEX.

UTP's accomplishment is another significant step to take it closer to its ultimate goal of becoming an internationally recognised research university.

The ITEX awards not only contribute towards the university's list of inventions and innovations, but also open up opportunities for the commercialisation of its new products and ideas. They bear testimony to UTP's commitment for continual progress and advancement.

This is UTP's 11th year of participation in ITEX, with a total of 368 entries. To date, UTP has won a total of 126 gold, 171 silver, 48 bronze and 15 special awards.

First held in 1989, ITEX is today's leading international invention and innovation expo in the region. It is organised by MINDS to recognise excellence in innovation while also providing participants with a platform to introduce their new products to the market.

ITEX brings together the latest inventions and innovations by universities, research institutions, individuals and corporations from Asean countries, Asia and Europe.

■ For more information on UTP, look out for its advertisement in this *StarSpecial*.